

**PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-i: EKSLUSIF CONNECT “REVITALISE PROGRAM”
6.6**

Kemaskini terakhir pada 17 Mei 2022

TEMPOH KEMPEN

“Eksklusif Connect “Revitalise Program” 6.6 Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (2005501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada jam 0001, 06 Jun 2022 dan tamat pada jam 2359, 06 Jun 2022, (“Tempoh Kempen”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen (“T&S”):-

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - (a) berumur antara 21 – 60 tahun;
 - (b) pengguna *Connect* berdaftar;
 - (c) bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
 - (d) mempunyai Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan/Simpanan-i individu Hong Leong yang sah dan aktif;
 - (e) tidak mempunyai Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada.
2. Berikut yang **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemufilsan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - (b) Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat; dan
 - (c) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan Bank.

MEKANIK KEMPEN

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:
 - (a) memohon untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada produk berikut adalah seperti yang tertakluk di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Saluran Pemohonan PF	Kemudahan PF	Amaun Kemudahan PF Dipohon*		Tempoh Kemudahan PF
		Amaun Minimum	Amaun Maksimum	
Connect	Pinjaman Peribadi HLB	RM5,000	RM250,000	2 hingga 5 tahun
	Pembiayaan Peribadi-i HLISB	RM5,000	RM150,000	

*Untuk mengelakkan sebarang keraguan, amaun Kemudahan PF yang diluluskan tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan PF yang dipohon oleh Pelanggan.

(b) Permohonan untuk Kemudahan PF dihantar melalui saluran *Connect*.

- Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 3 di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**".

Faedah/Keuntungan Promosi

- Pelanggan yang Layak yang memohon untuk Kemudahan PF telah diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Julai 2022 layak untuk menikmati kadar faedah/keuntungan rata mengikut cara yang tertera di Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Saluran Pemohonan	Jenis Produk	Pendapatan Bulanan yang disahkan	Kadar Faedah/Keuntungan Rata
Connect	Kemudahan PF	RM2,000 dan ke atas	3.99% setahun

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza daripada 7.40% setahun sehingga 7.49% setahun bergantung kepada Tempoh Kemudahan PF daripada 2 hingga 5 tahun.

- Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan PF diluluskan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) yang diambil sepanjang Tempoh Kemudahan PF lima (5) tahun adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Amaun Kemudahan PF yang Diluluskan*	Tempoh Kemudahan PF (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) atas Amaun Kemudahan PF Diluluskan	Jumlah Faedah/Keuntungan Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan PF	Ansuran Bulanan**
(a)	(b)	(c)	(d)= a x b x c	(e)= (a+d) / (b x 12)
RM5,000	5	3.99% setahun	RM998	RM100

*0.50% daripada Amaun Kemudahan PF Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan PF semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan PF tersebut.

**Jumlah Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan PF akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Satu (RM1) terdekat.

***Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5) terdekat.

UMUM

- Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan/ Pelanggan yang Layak dengan ini:

- (i) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
 - (ii) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
 - (iii) bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my ("**Laman Sesawang Bank**") pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - (iv) bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan PF dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Julai 2022. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak membekalkan semua dokumen berkaitan tepat pada waktunya, Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Julai 2022;
 - (v) bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan PF dan/atau amaun Kemudahan PF diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat; dan
 - (vi) bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
8. Bank berhak untuk:
- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan PF yang diserahkan;
 - (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan
 - (iii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
9. T&S yang terkandung di sini, [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB](#) dan [Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
10. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
11. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
12. Perkataan yang bererti satu jantina merangkumi makna semua jantina dan perkataan-perkataan lain yang bererti tunggal merangkumi makna jamak dan sebaliknya.
13. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan terma dan syarat, sila hubungi kami melalui e-mel di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau telefon di 03-7626 8899.